www.al-ahkam.net

Adakah Muhamad bin Abdul Wahab keluar dari kerajaan Uthmaniyah?

Pembelaan Terhadap Mujaddid Kurun Keduabelas
(Petikan dari buku: Fushulun Minas Siyasah as-Syar'iyah)

Oleh: Syeikh Abdul Rahman Abdul Khaliq
Terjemahan: zain y.s (al-ahkam.net)

No	Isikandungan	Halaman
1	Pendahuluan penterjemah	**3**
2	Isi fitnah yang dahsyat terhadap Syeikh Muhamad bin Abdul Wahab	**4**
3	Jawapan, apakah Syeikh Muhamad bin Abdul Wahab keluar dari Khalifah Uthmaniah?	**5**

Pendahuluan penterjemah

Ramai para pencinta agamanya. Pencinta Ahlus Sunnah Wal Jamaah. Pendokong dakwah Syeikh Muhamad bin Abdul Wahab tokoh mujadid abad kedua belas merasa tercengang-cengang dengan pelbagai dakwa-dakwi di sekitar masalah apakah Syeikh seorang pemberontak. Benarkan Syeikh telah menyingkirkan diri dari kerajaan Othmaniah. Dan lebih mengejutkan sekali ialah apakah benar Syeikh telah bertanggungjawab di atas kejatuhan kerajaan Othmaniah?

Tuduhan-tuduhan itu datangnya dari mereka yang masih kabur dengan hakikat kebenaran. Dari mereka yang mengikat kuat, sekuat-kuatnya diri-diri mereka dengan tali-tali taqlid buta dan fanatik berbahaya. Dari mereka yang sengaja tidak mahu menerima hakikat yang benar itu tetap benar dan yang batil itu akan sirna.

Sebagai pelengkap bagi terjemahan ini, adalah lebih baik saya memetik artikel fitnah ke atas diri syeikh. Supaya dengannya, kita semua dapat membaca secara langsung pada artikel yang membuat tuduhan-tuduhan yang zalim dan kejam ke atas syeikh.

zain ys
al-ahkam.net
B.Mertajam, Pulau Pinang

Thursday, January 27, 2005
Zul Hijjah 17, 1425

Tuduhan

Oleh: thariq
Sun Jan 23, 2005 3:24 am

Muhamad Bin Abdul. Wahab memberontak terhadap Khalifah Uthmaniah

---

Terdapat beberapa faktor kejatuhan empayar kekhalifahan Islam Uthmaniyyah pada tahun 1924. Ada faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman yang paling ketara ialah pemberontakan yang dijalankan oleh keluarga Saudi inilah, yang bermula dari Najd, dan disokong oleh para ilmuwan Wahhabi yang diasaskan oleh Ibnu Abdul Wahhab anNajdi.

Selama ratusan tahun mereka bughat terhadap kerajaan Turki Uthmaniyyah, sehinggalah mencapai kemenangan dgn dibantu oleh perisik British spt Lawrence of Arabia yg dikuatkan dgn saluran haram berupa bekalan senjata dan wang dari barat.

Sekiranya Saudi / Wahhabi mendakwa bhw kerajaan Turki telah menyeleweng dari ajaran Islam sebenar dan mereka layak menggantikan kekhalifahan Turki, maka mengapa kerajaan Saudi pada 1926 hanya mengisytiharkan kedaulatan kerajaan Saudi dgn menguasai Hejaz, tetapi tidak mengisytiharkan kekhalifahan Islam Sa'udiyyah misalnya, selaku kerajaan atau empayar Islam baru di dunia sbg pengganti Uthmaniyyah, Abbasiyyah dan Umayyah? Ini tidak lain dan tidak bukan, ialah kerana komplot Saudi / Wahhabi yg didalangi oleh para Yahudi dan Nasara dari kuasa2 barat. Kuasa empayar dunia Islam sejak turun temurun dari zaman Rasulullah SAW, telah ditamatkan oleh keluarga Saudi yang menganut fahaman Wahhabi inilah.

Betapa jeleknya tindakan Saudi / Wahhabi ini, hingga tindakan mereka melemahkan kerajaan Islam Uthmaniyyah, secara tidak langsung melemahkan juga kerajaan2 Islam yang lain di dunia yang memberi wala' terhadap Turki Uthmaniyyah. Misalnya, Kerajaan Moghul di India telah jatuh di tangan British pada 1857. Begitu juga kerajaan Islam Acheh tidak dapat bertahan lantaran di serang lalu ditakluki oleh pihak Belanda. Bantuan tidak dapat diberikan sepenuhnya oleh Turki Uthmaniyyah, sebab pada masa itu belanja yang besar diperlukan bagi menundukkan pemberontakan Saudi / Wahhabi. Walau apapun, Turki Uthmaniyyah tetap berjaya menghulur bantuan meskipun sedikit, misalnya di Acheh, yg mana hingga hari ini kesan2 sejarah spt adanya meriam2 yang dihantar oleh Turki bagi membantu pertahanan kota Islam Acheh.

Petikan dari diskusi al-ahkam.net:
http://al-ahkam.net/forum2/viewtopic.php?t=27413

Bantahan & Jawapan

Adakah Muhamad bin Abdul Wahab keluar dari kerajaan Uthmaniyah?
Petikan dari buku: Fushulun Minas Siyasah as-Syar'iyah)
Oleh: Syeikh Abdul Rahman Abdul Khaliq
Terjemahan: zain y.s (al-ahkam.net)

Majalah al-Mujtama' (No 472, 17 Rabi'ul Tsani 1400 = 4/3/1980) telah menerbitkan sebuah artikel yang ditulis oleh Rasyid al-Salim bertajuk Rajulun Li Kullil Ushuri.. Muhamad Abdul Wahab. Di mana dalam artikel ini penulisnya telah menyatakan bahawa Muhamad bin Abdul Wahab telah menyingkir dari sultan Islam pada waktunya. Kata penulis ini: "Dan Muhamad bin Abdul Wahab adalah tokoh modern paling menonjol dan yang terkenal telah keluar/menyingkir dari sultan yang menyeleweng dari sistem Allah Taala, samada keluarnya itu secara sebahagian ataupun keseluruhan..."

Sebagaimana penulis ini telah memuji Ibnu Abdul Wahab, begitulah juga beliau telah telah menyatakan pujiannya terhadap Husin bin Ali r.a, Ibnu al-Zubair dan Sa'id bin Jubair. . Serta mereka yang sebelumnya. Pujian juga telah diberikan oleh beliau terhadap segolongan ulama dakwah modern, seperti al-Ustaz Hasan al-Banna rhm, Syed Qutb rhm dan al-Ustaz al-Maududi rhm.

Pada hakikatnya, pujian yang diberikan oleh penulis berkenaan (menurut sangkaannya adalah benar), adalah amat bertentangan dengan: Pertama: Kenyataan yang sebenarnya. Kedua: Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah, iaitu bahawa sultan muslim tidak boleh samasekali ditentang menggunakan pedang, agar tidak berlaku peperangan di kalangan umat Islam.

Sesungguhnya saya melihat bahawa sudah menjadi kewajipan bagi saya untuk membela yang haq, meletakkannya pada tempat sebenarnya dan mempertahankan mereka yang telah dituduh terkeluar daripada al-Ummah - Sedangkan mereka bebas dari semua itu - dengan menyatakan kenyataan yang sebenar-sebenarnya. Dan membela aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah yang sekarang cuba dicemari dan diubah. Dan usaha jahat ini cuba mendorong pemuda-pemuda beriman agar memerangi saudara-saudara semuslim, yang seterusnya akan mencabut kekuatan dan usaha mereka, memporak-perandakan jihad mereka, menggagalkan dakwah mereka dan menempatkan mereka di dalam situasi krisis demi krisis. Ini akan menyebabkan umat Islam menjadi lemah dan saling berbunuhan. Selepas itu, musuh-musuh mereka akan bersorak kegembiraan dapat menakluk tanah air dan negara mereka.

Samada mereka yang menulis artikel berkenaan tahu ataupun tidak tentang buruk kesudahan yang akan berlaku dari seruan mereka itu, namun yang nyata mereka telahpun memberi saham dalam memutarkan roda-roda Islam untuk berundur balik ke belakang.

Al-Imam Muhamad bin Abdul Wahab seorang Da'i yang berpegang teguh dengan manhaj Salafi

Al-Imam Muhamad bin Abdul Wahab seperti yang telah disangka oleh penulis artikel berkenaan sebagai seorang tokoh sejarah modern yang terkenal kerana keluar dari sultan yang menyeleweng dari ajaran Allah, sebenarnya al-Imam bukanlah begitu keadaannya.

Al-Imam telah memulakan dakwahnya -sebagaimana yang telah dimaklumi semua- di Basrah. Di situ beliau diusir keluar. Beliau berpindah ke Huraimlah tempat kelahirannya dan juga diusir. Kemudian beliau ke al-Dar'iyah. Di sini beliau telah dilindungi oleh Amirnya, iaitu Muhamad bin Sa'ud. Amir ini telah berjanji untuk membantu dakwahnya dengan menjadikan kekuasaannya untuk berkhidmat menyebar risalah Islam. Di sini, di mana dan bagaimana dapat dikatakan bahawa Muhamad bin Abdul Wahab keluar dari Sultan?

Tetapi belum sempat dakwah Tauhid Ibnu Abdul Wahab tersebar, beliau telah dimusuhi. Dan kerajaan Ibnu Saud juga telah dimusuhin oleh kerajaan-kerajaan di sekitarnya. Mereka telah memulakan perang dan permusuhan terhadap al-Imam dan Ibnu Saud. Al-Imam terpaksa memerangi mereka kerana mahu mempertahankan diri... Maka adakah ini dapat dikatakan telah keluar dari sultan? Sebagaimana maklum, bahawa para amir dan para penguasa yang memerangi Ibnu Abdul Wahab adalah kerajaan yang berdiri sendiri, sepertimana kerajaan-kerajaan lainnya yang ada di jazirah Arab.

Adapun sangkaan penulis artikel berkenaan bahawa Muhamad bin Abdul Wahab keluar dan meyingkir dari sultan Uthmaniah, iaitu Abdul Hamid Khan 1 dan Salim Khan 3, maka ini adalah sesuatu yang pembohongan yang disengajakan. Telah sedia maklum bagi mereka yang membaca sejarah, bahawa para syarif/penguasa di Mekah adalah wakil-wakil dari sultan Uthmaniah. Belumpun sampai berita kepada mereka tentang dakwah Ibnu Abdul Wahab di semenanjung Arab, mereka sudah merasa khuatir dari dakwah berkenaan. Mereka bimbang bahawa dakwah berkenaan akan merampas segala ufti dan sajian-sajian kuburan yang terdapat di Hijaz. Mereka tahu bahawa dakwah Ibnu Abdul Wahab akan menghancurkan kuburan-kuburan keramat dan melarang bersembahyang kepada kuburan berkenaan. Kerana itu mereka mengerahkan tentera, pasukan demi pasukan untuk memerangi Ibnu Abdul Wahab di Nejd. Syeikh Ibnu Abdul Wahab waktu itu tidak lebih dari hanya membalas serangan mereka demi mempertahankan diri dan dakwahnya.

Persoalannya, di manakah dapat kita lihat di sini, beliau telah menentang sultan?

Sementara itu, syeikh Ibnu Abdul Wahab telah mengirim utusan kepada Syarif Ahmad bin Sa'id, penguasa Mekah ketika itu. Utusan berkenaan diketuai oleh Syeikh Abdul Aziz bin Abdullah al-Hushain. Mereka membawa hadiah dan barang-barang berharga. Bersama utusan itu syeikh Ibnu Abdul Wahab menyertakan dengan surat kepada Syarif Ahmad. Isikandungannya berbunyi:

(Yang dipersembahkan kepada yang mulia, semoga Allah memberi anugerah nikmat ke atasmu, Syarif Ahmad bin Syarif Sa'id, semoga memuliakannya di dunia dan akhirat. Dan semoga Allah memuliakannya dengan agama datuknya, penghulu dunia dan akhirat.

Bahawa apabila surat itu sampai kepada al-Khadim (dirinya sendiri=Ibnu Abdul Wahab), dan setelah direnungi kata-kata yang cukup baik di dalamnya, lalu beliau mengangkat tangannya berdoa kepada Allah untuk mendokong Syarif selama tujuannya mahu membantu syariat al-Muhamadiyah dan para pengikutnya, dan menentang mereka yang keluar daripadanya, Dan ini adalah kewajipan atas setiap penguasa.)

Kemudian Ibnu Abdul Wahab berkata pada akhir suratnya itu:
(Apabila Allah s.w.t. telah mengambil kata janji para anbiya', jika bertemu dengan Muhamad s.a.w. mereka akan beriman kepadanya dan membantunya, maka bagaimanakah pula dengan umatnya ini? Oleh itu, tidak boleh tidak mesti beriman dengannya. Dan tidak boleh tidak mesti membantunya. Tidak memadai melakukan salah satu darinya dengan meninggalkan yang satu lagi. Untuk perkara ini, yang lebih berhak dan yang lebih utama mengerjakannya adalah Ahlul bait, di mana Allah Taala telah mengutus Muhamad s.a.w dari kalangan mereka, dan dengannya mereka telah dimuliakan di atas mukabumi ini. Dan Ahlul bait yang lebih berhak adalah dari kalangan anak cucu Rasulullah s.a.w. Selain daripada itu, sebagaimana yang telah diketahui bahawa anak engkau telah dimuliakan oleh Allah sebagai khadam Islam. Semoga Allah melindungi engkau oleh Allah dengan sebaik-baik lindungan.) Ruj: Hayat Muhamad bin Abdul Wahab, hal. 322)

Jika Syeikh Muhamad bin Abdul Wahab meletakkan dirinyas sebagai khadam syarif-syarif, bagaimana pula dikatakan beliau telah menentang sultan/pemeritah?

Selepas itu, datanglah para ulama jahat (ulama suu') kepada para syarif dengan memberi fatwa bahawa Muhamad bin Abdul Wahab adalah kafir dan membawa agama baru kepada manusia. Fatwa juga dikeluarkan bahawa para pengikut Ibnu Abdul Wahab telah dilarang dari menunaikan Haji. Sebab itulah para penduduk Nejd dari kalangan ahli dakwah telah dihalang dari menunaikan Haji. Kemudian Syarif Ghalib telah menyiapkan bala tenteranya yang besar untuk memerangi syeikh Muhamad bin Abdul Wahab di Nejd.

Apabila mereka tidak mampu untuk menghentikan gerakan dakwah Ibnu Abdul Wahab, mereka mula meminta bantuan dari Sultan Uthmaniah yang enggan ambil tahu tentang perkara berkenaan. Kemudian, ditunjukilah kepada Muhamad Ali, gabenur Mesir ketika itu dan memerintahkannya untuk memerangi mereka yang digelar Wahabi. Ini adalah atas fatwa para ulama jahat yang mengatakan golongan dakwah Ibnu Abdul Wahab sebagai kafir. Telah sedia maklum juga bahawa Muhamad Ali telah menyiapkan pasukan tenteranya untuk memerangi para pengikut Syeikh Ibnu Abdul Wahab. Perkara ini berlaku selepas syeikh meninggal dunia. Oleh itu, di manakah dapat kita lihat bahawa syeikh Ibnu Abdul Wahab telah keluar dari Sultan?

Sekalipun kerajaan Uthmaniah melalui gabenur Mesir, Muhamad Ali Basya telah memerangi para pengikut Ibnu Abdul Wahab dengan dakwaan mereka telah kafir, namun para penduduk Nejd dan penguasanya tidak membuat tentangan melawan mereka, selama mereka mentaati Allah dan RasulNya.

Amir Abdullah bin Saud telah menulis sejumlah surat kepada Muhamad Ali Basya gabenur Mesir dan sultan al-Ghazi al-Uthmani dengan mengumumkan bahawa dirinya adalah salah seorang orang bawahan mereka. Bahawa dakwahnya di Nejd dijalankan tidak lain melainkan untuk melakukan perbaikan untuk pendudukanya, menjauhkan mereka dari syirik, khurafat serta agar mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat. Dan mereka ini juga merupakan para pengikut atau orang bawahan yang mulia sultan Uthmaniah dan gabenurnya Muhamad Ali Basya.

Berikut ini adalah sebahagian dari surat-surat yang dikirimkan oleh amir Abdullah bin Saud kepada sultan Mahmud al-Ghazi:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, segala puji hanya bagi Allah yang menjadikan setiap penyakit kuat itu penawar, yang meluruskan niat-niat musuh dengan perdamaian dan kebaikan, yang mana kedua-duanya merupakan perkara pertama yang menjadi pencegah dari berlakunya kehancuran. Selawat dan salam ke atas semulia-mulia makhlukNya, Muhamad s.a.w., penutup segala nabi yang telah menyampaikan sebaik-baik berita.

Wa ba'du, maka sesungguhnya aku telah mengelilingi ka'bah, yang menjadi harapan para hamba, di mana ia (ka'bah) adalah di bawah kekuasaan kekuasaan tuanku sebagai kutub segala yang wujud, roh jasad alam semesta, yang memberi kelazatan bagi setiap jamaah haji dari seluruh pelusuk alam, persinggahan bagi pengharapan yang pergi dipagi dan malam hari, panji bagi segala panji-panji, mata segala mata manusia, yang menjadikan orang yang takut dapat tidur dengan nyenyak, tempat berlindung bagi orang-orang yang berakal, yang berbudi pekerti lebih lembut dari angin sepoi-sepoi dipagi hari, yang mempunyai kehebatan yang dapat menarik segenap cinta, sultan dua daratan, penguasa dua lautan, yang kerana kemasyhurannya muncullah

kerajaan Saud, seorang sultan anak kepada sultan, penghulu kami sultan Mahmud al-Ghazi, hamba persembahkan surat ini dengan segala kelemahan yang terkandung di dalamnya. Itu ketika hambamu ini tergolong dari kalangan kaum muslimin yang tidak terlepas dari menunaikan syarat-syarat Islam, iaitu meninggikan kalimah syahadah, menunaikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa dibulan Ramadhan, mengerjakan Haji di Baitillahil Haram dan mencegah kezaliman yang dapat memudaratkan manusia.

Kemudian selepas itu, amir Abdullah bin Saud telah menjelaskan bagaimana para syarif Mekah telah melakukan pendustaan ke atas dirinya agar sultan Uthamiah memeranginya. Para syarif ini telah menulis surat atas nama amir Saud bin Abdul Aziz bin Muhamad yang mengandungi pernyataan penentangan terhadap sultan dan enggan menerima kedatangan para jemaah haji dari seluruh pelusuk dunia.

Kemudian Amir Abdullah meneruskan isi suratnya dengan katanya:
Dapat dinyatakan bahawa segala apa yang disandarkan kepada hambamu ini dengan perkara-perkara yang melampaui batas dan pembangkangan, semuanya itu datangnya dari tipudaya syarif yang telah dinyatakan sebelum ini dan fitnah darinya.

Pada akhir suratnya, beliau berkata:
Aku mengajukan surat isinya lebih jelas dari perumpamaan-perumpamaan yang masyhur, sesuai dengan kejujuranku untuk tidak melepaskan diri dari ikatan ketaatan, aku menganggap diriku ini adalah sebahagian dari hamba-hambamu yang telah menegakkan segala kewajipan negara yang tinggi. Ia adalah bukti yang sangat pasti yang menyaksikan bagaimana aku melakukan doa di dalam setiap perayaan, majlis dan di atas minbar agar tuanku sultan dipanjangkan umur dan agar negara tetap tertegak. (Lihat: Ad-Dawlah As-Sa'udiyah al-Ulaa, Li Abdir Rahman Abdur Rahim, hal. 392 - 393)

Manakala surat amir Abdullah bin Saud yang dipersembahkan kepada gabenor Mesir Muhamad Ali Basya, di dalamnya secara terus terang menyatakan bahawa para pengikut Muhamad bin Abdul Wahab bukanlah dari golongan Khawarij. Amir Abdullah bin Saud menyatakan di dalam suratnya setelah dimulakan dengan mukadimah yang cukup panjang yang mengandungi puji-pujian ke atas Muhamad Ali Basya:

"Dan sesungguhnya kami tidak merasa takut di hadapan tuan terhadap apa yang kami lakukan selama ini, juga atas dakwah yang kami jalankan dengan sebenar-benarnya. Kami telah berjuang dan berdakwah khususnya kepada orang-orang badwi, agar mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa dibulan Ramadhan dan mengerjakan Haji ke Baitillahil Haram. Juga kami mencegah mereka dari melakukan kezaliman terhadap orang lain dan membuat kerosakan di atas mukabumi, merompak dan mengganggu orang-orang yang sedang dalam perjalanan mengerjakan Haji. Maka selepas itu mereka mengadu kepada

gabenur Mekah, Ghalib. Dan mereka pula menuduh kami telah melakukan pendustaan dan pembohongan. Mereka menuduh kami adalah golongan Khawarij. Sebab itulah mereka menuduh kami yang bukan-bukan padahal kami bebas dari itu semua. Kemudian mereka mengerahkan sejumlah tentera menyerang kami, namun Allah s.w.t. melemahkan mereka. Maka dengan anugerah dari Allah, kami memerangi mereka untuk menegah kerja jahat mereka dan sebagai balasan atas kejahatan dan tipu daya mereka. Dan Allah Taala membalas mereka dengan kemurkaanNya sehingga mereka tidak mendapat sedikitpun kebaikan.

Dan Allah telah menganugerahkan kepada kami menguasai dua tanah haram yang mulia (Mekah dan Madinah), Jeddah dan Yanbu'. Setelah kami dapat menguasai daerah-daerah mereka, kami secara sepakat bersama-sama melakukan perkara-perkara yang baik. Dan kami tetap mengiktiraf kekuasaan yang berada di tangan mereka dahulu. Kami serahkah pintu-pintu gerbang pelabuhan kepada mereka. Kami tetap menghormati mereka dengan penghormatan yang terbaik sebagai menghargai keturunan yang mulia dan penghormatan kepada tanah haram."

Beliau berkata lagi selepas dijelaskan tentang tipu daya syarif terhadapnya dan tentang pemalsuan surat-surat kepada sultan yang menggunakan namanya: "Maka kami mengetahui bahawasanya tuntutan negara yang tertinggi ialah menjaga kerajaan-kerajaan Islam. Lebih-lebih lagi tanah Hijaz, dan yang lebih dari itu ialah menjaga dua tanah haram yang mulia tanpa ragu-ragu secara terus menerus."

Antara isi suratnya ialah doa ke hadrat sultan para sultan - Semoga Allah membantunya - di atas mimbar-mimbar. Dan doa semoga baginda dilindungi dari sebarang tipudaya dan kezaliman.

Bila beginilah rupa keadaan hubungan yang terjalin antara para pengikut syeikh Ibnu Abdul Wahab dengan kerajaan Uthmaniyah dan gabenur Muhamad Ali Basya, bagaimana boleh dikatakan bahawa Ibnu Abdul Wahab telah menyingkir dari sulta Uthmaniah dan menuduh ini adalah aqidah salaf?